

07/02/2001

Pakar ekonomi yakin kerajaan akan lepas penetapan ringgit

SEORANG pakar ekonomi yakin kerajaan akan melepaskan penetapan nilai ringgit berbanding dolar Amerika tidak lama lagi, apabila keadaan ekonomi negara berada pada tahap meyakinkan dan kukuh.

Pengerusi Bank Rakyat, Dr Norraesah Mohamad berpendapat kerajaan kemungkinan besar akan berbuat demikian dalam tempoh setahun atau dua tahun ini berikutan ekonomi terus berkembang pesat kebelakangan ini.

Katanya, walaupun wujud beberapa pakar kewangan yang menganggap nilai ringgit berada di bawah nilai sebenarnya, keadaan ini keseluruhannya memberi kelebihan kepada ekonomi negara khususnya sektor perniagaan dan perdagangan.

"Ini kerana dari segi kewangan ia memudahkan sektor perniagaan dan syarikat membuat perancangan dengan tepat tanpa menghiraukan sebarang ketidaktentuan terhadap nilai matawang Ringgit seperti yang berlaku semasa kegawatan dulu.

"Bagaimanapun berdasarkan keadaan ekonomi dunia, saya percaya dalam jangkamasa panjang, kerajaan perlu juga melepaskan nilai ringgit mengikut kehendak pasaran," katanya dalam temubual khas dengan Umno-Online.

Dr Norraesah berkata, usaha negara dalam menetapkan nilai ringgit dan menolak bantuan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF), mendapat pandangan serong dari negara serantau serta sesetengah pakar ekonomi tempatan.

Bagaimanapun, dengan kejayaan Malaysia keluar dari kemelut ekonomi lebih awal dan berjaya dengan pelbagai mekanisme kewangannya membuka mata negara serantau dan dunia khususnya.

Jelasnya, di satu pihak, masih ada satu atau dua negara yang masih 'ego' dan enggan memperakui berdasarkan kononnya mereka lebih baik dari Malaysia.

Di satu pihak yang lain pula, penolakan bantuan IMF yang dilakukan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad itu dianggap oleh ramai pakar ekonomi dunia sebagai tindakan pintar.

Ini berlaku selepas mereka menyedari kadar faedah IMF yang tinggi, peraturannya ketat dan syor seperti menarik balik pinjaman kepada sektor perniagaan serta dasarnya yang lebih banyak membawa kesan buruk.

Dr Norraesah berkata, banyak negara kini memperakui tanggapan Malaysia terhadap IMF yang cuma bertumpu kepada persaingan dalam perniagaan dan syaratnya yang ketinggalan.

"Mereka yang menolak usaha Malaysia dan mengkritik kita cuma kerana tidak dapat menerima sesuatu yang baru yang dilakukan oleh Malaysia dan sudah merasa selesa dengan system yang ada termasuk dasar-dasar IMF.

"Mereka tidak nampak yang IMF dikuasai oleh pakar teori dan bukannya mereka yang benar-benar berada dalam gelanggang atau turun ke padang dalam kegiatan ekonomi serta kewangan yang sebenar," katanya.

Beliau juga tidak menolak kegawatan ekonomi sebelum ini sengaja dirancang pihak tertentu untuk memudahkan syarikat asing mengambil alih syarikat dan pelaburan milik tempatan di rantau ini.

Berhubung dana lindung nilai, Dr Norraesah berkata, ia tidak boleh ditolak sepenuhnya tetapi perlu berhati-hati mengawasinya supaya tidak menimbulkan risiko ekonomi.

(END)